



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

### AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988 P.U. (A) 276/1998 PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA (PREMIS DITETAPKAN) 1998

Tarikh penyiaran:  
Tarikh mula berkuatkuasa:

23 Julai 1998  
23 Julai 1998

---

#### SUSUNAN PERINTAH

---

Mukadimah

Perintah 1. Nama dan permulaan kuat kuasa.  
Perintah 2. Premis ditetapkan.  
Perintah 3. Penyampaian penggeraan automatik.

JADUAL

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 27 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341], Ketua Pengarah membuat perintah yang berikut:

### **1. Nama dan permulaan kuat kuasa.**

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998** dan mula berkuat kuasa pada 23 Julai 1998.

### **2. Premis ditetapkan.**

Ketua Pengarah telah menentukan bahawa premis yang penggunaan, saiz dan tempat, dinyatakan dalam Jadual hendaklah menjadi premis ditetapkan bagi maksud pengeluaran perakuan bomba di bawah Akta.

### **3. Penyampaian penggeraan automatik.**

Semua premis ditetapkan hendaklah disambungkan secara elektrik atau melalui telefon ke balai bomba yang paling hampir dengan memirau papan suis untuk mengadakan penyampaian penggeraan dengan serta merta dan secara automatik dalam hal kecemasan.

**JADUAL**  
**PREMIS DITETAPKAN**

| <i>Penggunaan Premis</i>      | <i>Saiz</i>  | <i>Tempat</i>        |
|-------------------------------|--|----------------------|
| 1. Perpustakaan               | Lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)   | Keseluruhan Malaysia |
| 2. Hospital dan Rumah Rawatan | (i) 3 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi<br><br>(ii) 5 tingkat dan lebih   | Keseluruhan Malaysia |
| 3. Hotel                      | (i) Reka bentuk laluan langkan terbuka-<br><br>(a) 4 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 50 bilik<br><br>(b) 6 tingkat dan lebih<br><br>(ii) Reka bentuk lain- 21 bilik dan lebih  | Keseluruhan Malaysia |
| 4. Asrama dan Dormitori       | (i) 4 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi<br><br>(ii) 6 tingkat dan lebih   | Keseluruhan Malaysia |
| 5. Pejabat                    | Ketinggian melebihi 30 meter atau 10,000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)  | Keseluruhan Malaysia |
| 6. Kedai                      | 2001 meter persegi dan lebih (keluasan jumlah lantai)  | Keseluruhan Malaysia |
| 7. Kilang                     | (i) Satu tingkat 2001 meter persegi dan lebih yang terpasang sistem semburan automatik<br><br>(ii) 2 tingkat di mana setiap lantai dibina sebagai ruang berasingan, pembinaan tunggal atau teras Melebihi 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)<br><br>(iii) 3 tingkat dan lebih<br><br>(iv) Kilang Bertingkat Pembangunan Blok Pendekatan Langkan Terbuka 2 tingkat dan lebih di mana setiap ruang melebihi 7000 meter padu<br><br>(v) Struktur Khas-<br><br>(a) Kompleks kilang seperti kompleks kisar minyak sawit, kilang penapis minyak, kerja simen, dll | Keseluruhan Malaysia |

